individu yang mempunyai pemikiran global serta memahami teknologi terkini yang mampu menyelesaikan masalah masa hadapan. Ia berbeza dengan KHB yang sedia ada yang hanya berfokus kepada membekalkan tenaga pekerja yang berpengetahuan dan mahir (Lai & Chong, 2018; Shariff & Puteh, 2018; Mohd Rosdi, Abdul Kadir & Nazri, 2017; Shahril @ Charil & Habib, 1999; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). RBT memberi fokus kepada penguasaan ilmu pengetahuan (kognitif), kemahiran (psikomotor), dan nilai serta sikap (afektif) yang sesuai dengan tahap kebolehan pelajar. KSSM RBT memberi fokus kepada empat domain seperti Apresiasi Reka Bentuk, Aplikasi Teknologi, Pembuatan Produk dan Penilaian Reka Bentuk Produk. Pelajar akan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran melalui aktiviti reka bentuk dan penghasilan projek (Dokumen Standard Kurikulum Prestasi, 2016; Ismail, 2012; Abu Bakar, 2014; Md Harun, 2014; Abd Kadir, 2020; Sahaat & Nasri, 2020; Masingan & Sharif, 2019; Mat Nor & Kamarudin, 2017).

Ini disokong oleh sebutan Anwari et al. (2015), Moore, Johnson, Peters-Burton, dan Guzey (2016), Tee et al. (2018), Yahaya dan Lajium (2020) dalam perinciannya terhadap teras STEM yang mempunyai hubungan selari dengan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) iaitu mencabar potensi pelajar dengan menggunakan pendekatan Reka bentuk Kejuruteraan (*Engineering Design*) bagi membentuk pemikiran kritis dan kreatif melalui aktiviti reka bentuk berbantuan teknologi yang berkaitan serta pelajar dapat belajar daripada kegagalan dalam mereka bentuk penyelesaian dalam Reka Bentuk Kejuruteraan dengan memperbaiki reka bentuk sedia ada.



Ekoran daripada perubahan mata pelajaran KHB kepada mata pelajaran RBT, maka guru yang mengendalikan mata pelajaran ini juga mengalami perubahan yang besar. Oleh itu, tidak dinafikan dalam memperkatakan tentang kepentingan pendidikan, maka guru memainkan peranan utama untuk menyalurkan ilmu dan kemahiran dalam pendidikan formal (Siraj & Ibrahim, 2012). Guru mata pelajaran RBT KSSM dipilih dalam kalangan guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas dalam bidang yang berkaitan atau memiliki opsyen pilihan vokasional dan pengalaman mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) selama 5 tahun berturut-turut bagi guru bukan opsyen. Pelaksanaan mata pelajaran RBT menggunakan guru, peralatan dan bengkel sedia ada dalam KHB (Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9, 2016).



Ranking Design” bagi tahun 2010-2017, Malaysia menduduki tangga ke 51 daripada 97 negara yang mengambil bahagian dengan kumpulan anugerah sebanyak 30 dan jumlah kumpulan mata 101 berbanding dengan kedudukan pertama oleh negara Amerika Syarikat dengan kumpulan anugerah sebanyak 584 dan kumpulan mata 2168 (World Design Ranking, 2017) pula membayangkan bahawa usaha perlu dipergiat untuk memperbaiki prestasi yang kurang memberangsangkan ini. Transformasi ini memperlihatkan guru sebagai pelaksana dasar harus mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam melaksanakan dasar yang dirancang (Vadivalu, & Osman, 2015).

Guru yang dilihat sebagai pelaksana harus menguasai kandungan mata pelajaran Reka Bentuk Teknologi supaya seiring dengan mata pelajaran yang lain yang



sedang berhadapan dengan perubahan persekitaran yang dinamik (Sahaat & Nasri, 2020; Masingan & Sharif, 2019; Mat Nor & Kamarudin, 2017). Kerajaan memerlukan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan mengamalkan nilai profesional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Shulman (1986) mengatakan, Pengetahuan Isi Kandungan (PK) ialah kefahaman tentang sesuatu mata pelajaran sebagai satu disiplin. Menurutnya lagi, PK ialah struktur pengetahuan yang meliputi teori, konsep dan prinsip sesuatu disiplin pembelajaran atau mata pelajaran. Contoh mata pelajaran RBT yang ditawarkan di sekolah rendah berbeza disiplinnya dengan RBT yang ditawarkan di sekolah menengah. Oleh itu, untuk mengajar sesuatu mata pelajaran, guru perlu memiliki PK yang baik dan terkini (Patric & Rosli, 2020; Masingan & Sharif, 2019; Koehler, Greenhalgh, Rosenberg & Keenan, 2017; Cherner & Smith, 2016; Nordin, 2014; Abd Shatar, 2007; Mohd Yusof, 2004; Usiskin, 2002). Dapatan tersebut menunjukkan, guru yang mengajar di sekolah perlu memiliki pengetahuan mengenai teori, konsep dan prinsip yang terkandung pada standard pembelajaran.

Namun, adalah sukar untuk mengukur dan menentukan PK yang diperlukan guru terhadap mata pelajaran yang diajarnya (Koehler, Greenhalgh, Rosenberg & Keenan, 2017; Koehler, 2015; Hashim, & Phang, 2013; Nassiri, 2012; McIntyre, 1990; Shulman, 1986). Oleh itu, instrumen pengukuran tahap penguasaan kandungan perlu diwujudkan selagi ada permasalahan dalam pengajaran. Dengan itu, pengukuran keterampilan guru sering kali dijalankan dalam penyelidikan pendidikan. Pengukuran guru adalah sebahagian aspek utama dalam pendidikan. Pengukuran perlu dalam kerja-

kerja pendidikan adalah untuk mendapatkan maklumat tentang sejauh mana guru telah menguasai apa yang akan diajar.

Penguasaan kandungan seorang guru RBT yang sepadan dan berkesan dalam program pendidikan akan memastikan ia dapat menyedia dan membantu pelaksanaan program pendidikan RBT sejajar dengan aspirasi negara. Hasrat KPM untuk melahirkan guru berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai nilai mengikut program yang dirancang (Liakopoulou, 2011; Ismail, 2012; Ngang, Hashim, & Yunus, 2015; Bunimin, 2016). Dengan ini juga dapat membantu industri bidang reka bentuk menghadapi masalah dalam aspek memperoleh tenaga kerja yang berbakat dalam industri reka bentuk (Mokhtar, Poo & Mohd Salleh, 2012).

mata pelajaran seperti mata pelajaran Matematik sekolah rendah (Zainal, Mustapha, dan Habib, 2009); pendidikan islam (Kasim & Tamuri, 2010); mata pelajaran fizik (Bunyamin & Abdullah, 2011); mata pelajaran Biologi (Zakaria, 2011); Bahasa Iban (Mahamod & Nor, 2012); penguasaan guru prasekolah (Chee, Nor, Othman, dan Rahman, 2018); bahasa tamil (Arumugam, Othman, & Ramasamy, 2019); mata pelajaran matematik topik pecahan (Patric & Rosli, 2020); mata pelajaran Sains sekolah rendah (Shukri, 2016); mata pelajaran Geografi (Setiawan, Maryani & Nandi, 2018); mata pelajaran pendidikan seni visual (Nor, Yusoff, dan Haron, 2019); mata pelajaran Biologi (Dewi, 2019); mata pelajaran matematik (Xu & Sun, 2019) mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Rendah (Mat Nor et al., 2017); mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi sekolah menengah (Masingan & Sharif, 2019), tetapi kajian mereka adalah berbentuk kualitatif. Namum tiada kajian yang memfokuskan kepada

pembangunan dan pengesahan instrumen pengukuran pengetahuan isi kandungan dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Menengah.

Walaupun terdapat instrumen pengukuran penguasaan kandungan sedia ada yang diguna pakai di sekolah menengah, namun didapati instrumen ini hanya diguna pakai untuk mengukur prestasi dalam kalangan pelajar menengah rendah (New South Wales, 2007; Department Of Education England, 2013; Education Bureau HKSARG, 2015; Ministry of Education Singapore, 2016; Bahagian Pendidikan Kurikulum, 2017). Tambahan lagi, instrumen yang sedia ada untuk mengukur penguasaan kandungan guru terlalu umum yang merangkumi profesionalisme bidang keguruan tanpa fokus spesifik kepada kandungan mata pelajaran RBT (Standard Guru Malaysia, 2009; Garis Panduan Instrumen Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, 2015). Sehingga kini, didapati masih kurang instrumen pengukuran penguasaan kandungan RBT dalam konteks Malaysia untuk mengukur tahap penguasaan kandungan guru RBT di sekolah menengah yang meliputi elemen empat domain RBT.

Jumlah guru mata pelajaran RBT yang memegang opsyen hanya 3% dari jumlah 7203 orang guru RBT (KPM, 2018). Hasil kajian menunjukkan guru mempunyai pengetahuan yang sederhana mengenai pelaksanaan mata pelajaran RBT (Sahaat & Nasri, 2020). Guru RBT bukan sahaja belum memahami dan menguasai sepenuhnya hala tuju, matlamat dan fokus KSSM RBT malah mereka menghadapi masalah dalam menguasai isi kandungan mata pelajaran ini (Tan & Chen, 1996; Mat Nor et al., 2017; Masingan & Sharif, 2019; Tee et.al., 2019). Permasalahan yang timbul memerlukan satu instrumen pengukuran penguasaan kandungan RBT yang spesifik kepada konstruk

yang lebih terperinci supaya dapat mengukur pengetahuan isi kandungan guru yang akan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran RBT sekolah menengah.

Satu set soalan terbuka (*open-ended*) diagihkan kepada 100 responden dalam peringkat tinjauan awal untuk mengukuhkan isu yang dikemukakan daripada kajian supaya mendapat pemahaman yang lebih mendalam tentang isu itu. Dapatan soalan terbuka tentang permasalahan yang dihadapi oleh guru. Jadual 1.2 menunjukkan maklum balas tentang cabaran yang dihadapi oleh guru Reka Bentuk dan Teknologi sekolah menengah. Hasil tinjauan mendapati sebilangan besar responden menyatakan penguasaan kandungan guru berada pada tahap yang rendah. 85% responden menyatakan mereka mempunyai penguasaan pengetahuan kandungan RBT yang rendah, 75% responden menyatakan mereka mempunyai penguasaan kemahiran RBT yang rendah dan 55% menyatakan mereka mempunyai sikap dan nilai RBT yang rendah. Selain itu, 81% responden juga menyatakan penguasaan pelajar rendah dalam bidang RBT. Sebanyak 90% responden menyatakan cabaran tentang kurangnya pengalaman dan mereka bukan guru opsyen dalam bidang RBT. Responden juga menghadapi cabaran perbelanjaan amali yang mahal dan kelengkapan bengkel yang tidak memuaskan dengan catatan lebih daripada 60%. 75% responden mendapati diri mereka kurang bimbingan dan kursus. Hanya sebilangan kecil responden yang menyatakan cabaran kandungan buku teks tidak menepati DSKP dan isi pembelajaran tidak fokus. 87% responden menyatakan mereka menghadapi cabaran kurang jelas dengan format pentaksiran.

Jadual 1.1

Maklum Balas Cabaran Guru Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Menengah

Cabaran	%	Std.Deviation
Penguasaan pengetahuan guru rendah	85	.359
Penguasaan kemahiran guru rendah	75	.435
Penguasaan sikap dan nilai guru rendah	55	.500
Penguasaan pelajar rendah	81	.394
Kurang pengalaman dalam Reka Bentuk dan Teknologi	90	.302
Guru bukan opsyen	90	.302
Perbelanjaan amali yang mahal	60	.496
Kelengkapan bengkel yang tidak memuaskan	70	.461
Bimbingan kurang	75	.435
Kursus yang kurang	75	.435
Kandungan buku teks tidak menepati DSKP	30	.461
Isi pembelajaran tidak fokus	45	.500
Kurang jelas dengan format pentaksiran	87	.338

Dapatan analisis tahap penguasaan kandungan. Jadual 1.3 menunjukkan tahap penguasaan pengetahuan kandungan RBT guru Sekolah Menengah. Dapatan data menunjukkan tahap penguasaan pengetahuan kandungan guru berada pada tahap sederhana rendah. Anggaran kurang daripada 30% responden sahaja yang menguasai pengetahuan dan kefahaman sepenuhnya. Kurang daripada 40% responden menguasai tetapi tidak sepenuhnya dan kurang daripada 50% responden tidak menguasai.

Jadual 1.2

Tahap Penguasaan Pengetahuan Kandungan RBT Guru Sekolah Menengah

Konstruk	Sub konstruk	% M	%Ts	%T
Pengetahuan kandungan	Pengenalan Reka Bentuk dan Teknologi	25	33	42
	Pengenalan Pengurusan Projek Reka Bentuk dan Teknologi	30	38	32
	Proses Reka Bentuk	26	37	47
	Lakaran	22	47	31
	Reka Bentuk Aplikasi teknologi: Reka Bentuk Fertigasi Reka Bentuk Fesyen Reka Bentuk Teknologi Pembuatan Reka bentuk Mekanikal Reka bentuk Elektrik Sistem Akuaponik Reka Bentuk Makanan Reka Bentuk Elektromekatronik	26	32	42
	Penyelesaian masalah secara inventif	20	36	44
	Pembangunan produk	27	39	44
	Peranan Reka Bentuk dalam Perniagaan	22	37	41

Berdasarkan analisis dapatan kajian ini, data menunjukkan permasalahan utama guru yang mengajar mata pelajaran reka bentuk dan teknologi adalah berkaitan penguasaan kandungan dari segi pengetahuan; kemahiran dan penerapan nilai dan sikap Reka bentuk teknologi. Permasalahan ini menjadi isu kerana kebanyakan guru yang mengajar adalah guru bukan opsyen reka bentuk dan teknologi. Ini juga disokong dengan dapatan penguasaan topik reka bentuk dan teknologi berdasarkan bab yang berasa pada tahap sederhana rendah. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa isu penguasaan kandungan mata pelajaran reka bentuk dan teknologi dalam kalangan guru sekolah menengah berada pada tahap rendah dan perlu kepada pembinaan instrumen



yang mantap untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian pelaksanaan maksimum mata pelajaran reka bentuk dan teknologi.

Sekiranya pengukuran penguasaan kandungan RBT tidak dilakukan pada peringkat awal, maka permasalahan tidak dapat dikesan dan diketahui untuk penyelesaian dan seterusnya akan menggagalkan usaha Falsafah Pendidikan Negara dalam dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Akta Pendidikan, 1996). Ketiadaan instrumen pengukuran penguasaan kandungan RBT akan menjejaskan matlamat penting RBT KSSM iaitu memberi pengetahuan, kemahiran, nilai, estetika dan teknologi dalam dunia reka bentuk (Depaepe et al., 2015; Mat Nor et al., 2017).



Cadangan dari kajian Garcia-Ponce, 2020; Masingan dan Sharif, 2019; Mohd Najid, Tee, Che Rus dan Budiman., 2019; Ahmad, Che Ros, Kamis, dan Makmor, 2019; Aljorani, 2019; menyatakan ada keperluan untuk mencari penyelesaian bagi permasalahan penguasaan kandungan yang dihadapi oleh guru RBT.

1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dinyatakan dalam latar belakang kajian. Oleh hal demikian, instrumen pengukuran tahap penguasaan kandungan RBT yang terkini dan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi akan menjadi panduan untuk guru meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran RBT sekolah





menengah di Malaysia. Dengan membangunkan instrumen pengukuran penguasaan kandungan RBT ini akan memberi pendedahan yang jelas tentang elemen pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai (Depaepe et al., 2015; Mat Nor et al., 2017). Impak yang positif terhadap guru agar dapat menilai dan mengamalkan amalan pengajaran RBT mereka ke arah yang baik. Di samping terhasilnya instrumen pengukuran penguasaan kandungan RBT, ia dapat memberi peluang kepada pengkaji melahirkan satu model pengukuran tahap penguasaan kandungan RBT.

Kajian tinjauan awal mendapati lebih daripada 75% guru menyatakan tahap penguasaan kandungan RBT berada pada tahap rendah (Huei, Rus & Kamis, 2019). Mereka menyatakan bahawa elemen pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap dalam RBT merupakan isu utama (Jones, 2016). Unjuran KPM pada tahun 2018 menunjukkan seramai 97% guru yang mengajar RBT adalah terdiri daripada guru bukan opsyen (KPM, 2018). Tinjauan awal dari responden menyatakan cabaran mereka tentang kurangnya pengalaman dalam bidang RBT (Tan & Chen, 1996; Mat Nor et al., 2017; Masingan & Sharif, 2019; Tee et.al., 2019).

Kesimpulannya, kajian tentang pembangunan instrumen dan model pengukuran tahap penguasaan kandungan RBT perlu dijalankan agar dapat diguna pakai di semua sekolah menengah harian dan secara tidak langsung akan mempertingkatkan tahap prestasi guru sedia ada bagi memastikan keberkesanan penyampaian pembelajaran RBT.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan membangun instrumen pengukuran tahap penguasaan kandungan Reka Bentuk dan Teknologi. Elemen yang diukur berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti keperluan pengukuran tahap penguasaan kandungan RBT untuk guru menengah rendah di Malaysia.
2. Membangunkan instrumen pengukuran tahap penguasaan kandungan RBT untuk guru menengah rendah di Malaysia.
3. Mengenalpasti kebolegunaan instrumen pengukuran tahap penguasaan kandungan RBT untuk guru menengah rendah di Malaysia.
4. Menentusahkan model pengukuran tahap penguasaan kandungan RBT untuk guru menengah rendah di Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

Untuk menjawab dan memenuhi objektif kajian yang dijalankan di dalam kajian pembangunan ini, maka soalan-soalan kajian ini dibentuk seperti berikut:


1. Apakah keperluan pembinaan instrumen pengukuran tahap kandungan yang sesuai digunakan untuk guru RBT menengah rendah di Malaysia?
2. Apakah konstruk dan subkonstruk instrumen pengukuran tahap penguasaan kandungan RBT menengah rendah di Malaysia?

3. Apakah terdapat kesepakatan pakar terhadap konstruk dan subkonstruk yang perlu dimasukkan ke dalam instrumen pengukuran tahap penguasaan kandungan RBT menengah rendah di Malaysia?
4. Apakah indeks kebolehpercayaan item dan responden?
5. Apakah indeks pengasingan item dan responden?
6. Sejauh manakah item bergerak pada satu arah untuk mentafsir konstruk?
7. Sejauh manakah item menyumbang ke arah konstruk yang diukur?
8. Sejauh manakah item fit dengan model pengukuran?
9. Apakah aras ukuran kesukaran item?
10. Apakah aras ukuran kebolehan responden?
11. Apakah tahap kesukaran item menepati kebolehan responden?
12. Adakah item bersifat unidimensi?
13. Adakah item mengukur konstruk tunggal secara bermakna?
14. Apakah kefungsian skala pengukuran yang digunakan?
15. Apakah model pengukuran penguasaan kandungan IpkRBT dapat dijelaskan oleh 10 subkonstruk?

1.6 Konseptual Kajian

Berdasarkan rajah 1.1, kajian ini berteraskan *Model Pedagogy Content Knowledge* (PCK) yang memfokuskan kepada elemen *content knowledge* (penguasaan kandungan). Konstruk pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap adalah berdasarkan Model DAT Hong Kong, Domain RBT Malaysia dan *D&T Education Learning Framework* Singapura. Analisis dokumen daripada DSKP, Malaysia (Kementerian

Pendidikan Malaysia, 2015); National Curriculum, England (Department of Education, 2013); Design and Technology Syllabus, Singapura (Ministry of Education Singapore, 2006); Design and Applied Technology, Hong Kong (Curriculum Development Council, 2015); Design and Technology Stage 6 Syllabus, Australia (Board of studies New South Wales, 2009) telah menghasilkan 10 subkonstruk dalam pembangunan instrumen pengukuran Tahap Penguasaan kandungan RBT.




Rajah 1.1. Konseptual Kajian



1.7 Kerangka Kajian

Berdasarkan rajah 1.2, kajian ini menggunakan pendekatan *Design and Development Research* (DDR) yang dibangunkan oleh Richey dan Klein 2007. Dalam kajian ini, ia terbahagi kepada tiga fasa iaitu fasa pertama menerangkan analisis keperluan, fasa kedua menerangkan reka bentuk dan pembangunan dan fasa ketiga menerangkan penilaian. Fasa analisis keperluan berteraskan kepada model Mckillip yang menggunakan teknik tinjauan akan menjawab objektif keperluan membangun instrumen dan konstruk yang perlu dimasukkan dalam instrumen. Fasa kedua menggunakan teknik Fuzzy Delphi Method dengan konsensus pakar bagi menjawab objektif kedua iaitu membangunkan instrumen dengan mendapat kesepakatan konsensus pakar terhadap konstruk dan subkonstruk serta item instrumen. Manakala fasa ketiga dalam penilaian menggunakan Model Pengukuran Rasch untuk menjawab objektif ketiga dengan menguji kebolehgunaan instrumen serta menjawab objektif keempat dengan analisis pengesahan faktor (CFA) bagi menentusahkan model pengukuran.





Rajah 1.2. Kerangka Kajian (Adaptasi dari model Pembangunan Richey dan Klein (2007))

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini adalah kajian pembangunan menghasilkan instrumen pengukuran tahap penguasaan kandungan mata pelajaran RBT untuk guru di sekolah menengah harian. Limitasi kajian ini terhad kepada guru RBT yang mengajar elektif mata pelajaran RBT di sekolah menengah kebangsaan semenanjung Malaysia. Pemilihan sampel adalah terhad kepada guru yang mengajar mata pelajaran RBT tingkatan satu, tingkatan dua dan tingkatan tiga. Instrumen pengukuran tahap penguasaan kandungan RBT dibangunkan berdasarkan kesepakatan pakar melalui Teknik Fuzzy Delphi. Instrumen ini seterusnya dinilai dengan kajian rintis untuk menguji item instrumen. Batasan atau halangan-halangan yang dihadapi dalam melaksanakan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Kajian ini hanya dijalankan di sekolah menengah kebangsaan harian di semenanjung Malaysia.
- ii. Kajian ini hanya terhad kepada guru yang mengajar mata pelajaran RBT di sekolah menengah kebangsaan harian di semenanjung Malaysia.
- iii. Kesahihan kajian ini bergantung kepada ketepatan sampel dalam memberi kerjasama ketika memberi jawapan, cadangan dan pendapat terhadap soal selidik yang dijalankan.

Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat mengetahui ciri setiap item yang dibangunkan dan tahap penguasaan guru terhadap mata pelajaran RBT. Akhir sekali dapatan kajian juga dapat membantu guru bagi tujuan menambahbaik penguasaan mata pelajaran RBT.

1.9 Skop Kajian

Kajian pembangunan instrumen ini berkait rapat dengan penguasaan pengetahuan (kognitif), kemahiran (Psikomotor), nilai dan sikap (Afektif) dalam mata pelajaran RBT. Penguasaan pengetahuan dalam kajian ini merujuk kepada pengenalan kepada reka bentuk dan teknologi, Pengurusan Proses Projek Reka bentuk, Pembangunan Produk, Aplikasi Teknologi dan Reka Bentuk Perniagaan. Manakala penguasaan kemahiran dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran mereka bentuk, melakar, mengaplikasi teknologi dan reka bentuk dalam perniagaan. Akhir sekali ialah nilai dan sikap dalam kajian ini merujuk kepada nilai dan sikap dalam mata pelajaran RBT.

Kajian pembangunan instrumen pengukuran tahap penguasaan kandungan Reka Bentuk dan Teknologi ini akan memberikan manfaat dan persepektif yang luas kepada beberapa pihak.

1.10.1 Teori Pengukuran

Kajian ini penting kepada teori pengukuran dalam membina instrumen yang sahih dan boleh dipercayai bagi mengukur penguasaan kandungan untuk guru mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi berdasarkan kesahan Model Pengukuran Rasch dan kesahan analisis faktor (CFA) melalui model pengukuran yang kukuh. Dengan itu, instrumen yang mengandungi 82 item daripada elemen pengetahuan, kemahiran, nilai

dan sikap menghasilkan satu model pengukuran yang sah dan boleh dipercayai serta boleh digunakan dalam menjalankan taksiran tahap penguasaan kandungan.

1.10.2 KPM/IPT/IPG

Melalui kajian ini diharapkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) sebagai pembuat dasar mengambil kira dapatan kajian agar dapat mewujudkan keperluan kepada guru dan pelajar untuk menjalani kursus, panduan berdasarkan instrumen RBT yang dibina agar penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai serta sikap dapat diterap dan diperkembangkan dalam diri guru dan pelajar seterusnya mampu untuk meningkatkan keyakinan diri agar lebih bersedia untuk melalui dan menempuh alam pengajaran dan pembelajaran seterusnya di industri.

1.10.3 Guru

Hasil kajian dapat memberikan panduan dan maklumat kepada guru RBT agar dapat meningkatkan kesedaran dan memperluaskan pemahaman mereka tentang dengan ilmu yang selari dengan keperluan semasa agar penyampaian matlamat RBT tercapai. Maklum balas secara terus menerus kepada penggubal kurikulum sangat diperlukan agar guru mendapat maklumat dan perkembangan terkini mengikut pasaran industri. Kajian ini akan membolehkan guru mahupun pelajar agar dapat bersedia untuk menghadapi permintaan industri yang terus berubah dan membolehkan mereka mendapat pekerjaan jika hasil kajian diterapkan dengan latihan yang sesuai.



1.10.4 Industri

Pihak industri hendaklah sedia maklum bahawa para pelajar yang mengikuti latihan industri di tempat mereka telah diterapkan dan dilatih tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai serta sikap di institusi sebelum mereka melangkah masuk ke industri (Kamis, 2014). Maka pihak industri hendaklah bersama-sama membantu mengasah ilmu yang telah diterapkan ini agar pengetahuan, kemahiran dan nilai serta sikap ini dapat diterjemahkan oleh pelajar secara tindakan dan praktikal. Dapatan kajian boleh dijadikan garis panduan yang perlu diaplikasikan dalam kurikulum RBT. Oleh itu, kajian ini boleh membantu majikan untuk merangka pelbagai bentuk latihan bagi menambah pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap agar dapat mempertingkatkan tahap prestasi dan kompetensi tenaga kerja mereka.



Hasil kajian juga dijangka akan memberi manfaat kepada bakal-bakal pekerja baru yang akan melibatkan diri dalam bidang pekerjaan supaya boleh membanding dan menilai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diinginkan oleh majikan. Tambahan pula boleh dijadikan panduan sebelum mereka menceburi bidang pekerjaan dalam reka bentuk teknologi di industri. Selain itu juga boleh memberi sumbangan kepada penghasilan idea-idea, pemahaman berkenaan konsep-konsep dan juga pengembangan ilmu yang berhubung kait dengan bidang teknikal yang diperlukan dalam bidang pekerjaan kini. Kemahiran bukan sahaja bersifat asas tetapi bersifat global yang sesuai dengan keperluan masa kini.



1.11 Definisi Operasional Kajian

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Ianya memerlukan penjelasan yang lebih lanjut bagi memberikan kefahaman yang sama kepada para pembaca. Berikut adalah penjelasan bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.11.1 Reka Bentuk dan Teknologi

Reka bentuk ialah suatu proses kreatif yang menterjemahkan idea kepada fizikal produk (Zainal Abidin, Abdullah, & Yusoff, 2013). Menurut Department of Education England (2013), teknologi membawa maksud memahami dan menggunakan bahan dan elemen untuk penyelesaian masalah supaya mencapai fungsi. Teknologi Reka Bentuk dan Teknologi merupakan penyumbang kepada teknologi moden serta pembangunan sains dan sosial. Bidang ini memberikan pengetahuan tentang kemahiran dalam menghasilkan reka bentuk produk berasaskan teknologi. Reka Bentuk dan Teknologi diperkenalkan adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Kajian ini akan mencakupi elemen dan prinsip dalam reka bentuk, cara membina objek asas serta menentukan kriteria yang diperlukan dalam menghasilkan sesuatu produk yang baik. Reka Bentuk dan Teknologi adalah gabungan tiga dimensi iaitu pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap.

1.11.2 Pengetahuan

Pengetahuan guru adalah pengetahuan profesion yang menekankan pengetahuan umum berasaskan prinsip-prinsip pedagogi, kemahiran dan pengetahuan berkenaan subjek yang diajar. Pengetahuan tentang kandungan adalah berkenaan bidang pengetahuan guru tentang kandungan dalam sesuatu mata pelajaran (Shulman, 1986). Tambahan Shulman, 1986 juga menyatakan pengetahuan berhubung dengan pengetahuan umum, kandungan, asas pedagogi, kurikulum, pedagogi kandungan, pengetahuan berkenaan pelajar, pengetahuan berkenaan kandungan pendidikan, kepentingan, nilai dan falsafah dan sejarah. Oleh itu, kajian ini akan merujuk kepada pengetahuan isi kandungan dalam bidang RBT yang terdapat dalam DSKP iaitu mengetahui, mengingat, mengkategorikan, merancang, menaakul, menyelesaikan masalah, berimajinasi dan mencipta.

Menganalisis elemen dan prinsip reka bentuk pada projek yang akan dihasilkan. Membuat rumusan aspek positif dan negatif sesuatu produk. Memberi cadangan penambahbaikan produk.

1.11.3 Kemahiran

Dalam kajian ini, Kemahiran adalah kepakaran yang diperolehi seseorang individu dalam sesuatu bidang pekerjaan yang berbentuk teknikal. Mahir adalah terlatih, pandai, cekap dan lancar dalam melaksanakan sesuatu tugas. Bagi mengukur kemahiran secara teorikal mahu pun praktikal, kajian ini merujuk kepada domain yang terkandung dalam DSKP iaitu Apresiasi Reka Bentuk, Aplikasi Teknologi, Pembuatan Produk dan Penilaian Reka Bentuk Produk dalam RBT. Kemahiran RBT merangkumi mereka bentuk projek menggunakan pendekatan penyelesaian masalah. Menghasilkan reka



bentuk produk mengikut proses yang sistematik. Menggunakan kemahiran teknikal dalam penghasilan produk mengikut prosedur yang sistematik. Membuat pengujian dan penilaian kefungsi projek yang dihasilkan. Menggunakan kemahiran komunikasi dalam persembahan semasa pertandingan atau pameran reka bentuk dan amalan keusahawanan dalam pemasaran produk.

1.11.4 Sikap dan Nilai

Fokus dalam kajian ini adalah mengamalkan nilai murni, estetik dan teknikal dalam mereka bentuk dan penghasilan produk seperti berikut:

- i. Tanggungjawab sosial -memenuhi keperluan dan kehendak pengguna, menghasilkan produk yang mesra pengguna seperti tidak memudaratkan kesihatan, mudah digunakan dan tidak menyentuh sensitiviti agama atau kaum.
- ii. Kelestarian global dan teknologi hijau – mesra alam dan menggunakan bahan yang boleh dikitar semula dan memikirkan tentang produk tidak mengganggu kestabilan ekosistem.
- iii. Autonomi – tidak menghalang kebebasan pengguna untuk memiliki.
- iv. Integriti – jujur dalam mereka bentuk iaitu tidak melakukan plagiat atau penipuan dalam penggunaan bahan dan kos.

1.11.5 Konstruk dan Subkonstruk

Konstruk dalam kajian ini merangkumi pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap. Manakala subkonstruk merujuk kepada Pengenalan Reka Bentuk dan Teknologi; Pengenalan Pengurusan Proses Projek Reka bentuk; Pembangunan Produk; Pengenalan





Aplikasi Teknologi; Pengenalan Reka Bentuk Perniagaan; Kemahiran Mereka Bentuk; Kemahiran Melakar; Kemahiran mengaplikasi Teknologi; Kemahiran Mengaplikasi Reka Bentuk dalam Perniagaan; Nilai dan Sikap dalam Reka Bentuk dan Teknologi.

1.11.6 Penguasaan Kandungan

Menurut Nahar dan Safar (2018), Pengetahuan kandungan dalam mata penting bagi seseorang guru dan dianggap kunci kepada proses pemindahan ilmu dan penyampaian kemahiran kepada pelajar. Di dalam kajian ini, penguasaan kandungan membawa maksud fokus kepada penguasaan terhadap pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap dalam bidang RBT ini. Penguasaan kandungan ini perlu dimiliki agar guru dapat mempertingkatkan tahap prestasi dalam pengajaran mereka.



1.11.7 Guru

Selaku penyampai ilmu kepada pelajar. Justeru, sekiranya tahap pengetahuan masih kurang tentang konsep RBT, pihak kementerian, universiti perlu menyediakan medium bagi meningkatkan pengetahuan agar penyampaian kepada pelajar mampu disampaikan dengan berkesan. Guru juga seharusnya menambah ilmu pengetahuan tentang kemahiran RBT serta elemen-elemen yang terkandung di dalamnya. Dengan adanya ilmu dan pengetahuan tersebut, mereka dapat memberi khidmat tunjuk ajar, nasihat, penekanan dan pengenalan awal kepada para pelajar tentang penting dan mafaat kemahiran kepada para pelajar mereka. Mereka juga harus sentiasa bersedia untuk menambah sebarang ilmu baru terutamanya dalam mencari informasi tentang kemahiran RBT kerana pada masa kini terdapat banyak sumber dan bahan yang boleh



didapati. Mereka juga harus menjadi golongan pemangkin yang produktif untuk menyebarkan ilmu-ilmu dan maklumat baru yang bermanfaat kepada para pelajar.

1.12 Rumusan

KSSM RBT bermatlamat menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran, nilai, estetika dan teknologi dalam dunia reka bentuk. Pelajar dapat menguasai kemahiran berkomunikasi dan menjana idea untuk menghasilkan produk baharu serta menjadi pereka bentuk yang membudayakan pemikiran kritis, kreatif, inovatif, inventif dan keusahawanan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu memberikan penekanan kepada pemantapan penguasaan kandungan terutamanya guru sebagai pelaksana dasar.

Secara praktikalnya tanpa menguasai seseorang pekerja tidak dapat melaksanakan kerja dengan cekap dan jika tidak dibaiki, kesan jangka panjang akan mengakibatkan produktiviti organisasi terus menunjukkan aliran pergerakan ke tahap yang rendah. Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan diakhiri dengan definisi operasional. Maka bab berikutnya akan menerangkan kajian litetatur.